

Impact of Integrated Management on the Development of *Tarekat Tasawuf* in Negeri Sembilan, Malaysia

Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Ishak Sulaiman

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur

ABSTRACT

Tarekat tasawuf has long been established in Malaysia including in Negeri Sembilan. Tarekat has been introduced in this state since 1900. However, at the early stage, there was no systematic and integrated management system that had been implemented. This article discusses the impact of integrated management on the development of *tarekat tasawuf* in Negeri Sembilan. Methodologies involved in this study include literature review, analysis of related documents and personal communication with the Registrar of *Tarekat Tasawuf Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan*. The objective of this study is to examine the efficiency of tarekat management and its impact on the development of *tarekat tasawuf* in Negeri Sembilan. Establishment of *Bahagian Tarekat Tasawuf Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan* in 2007 proves that the state government is very serious in regulating all tarekat activities in this state. The existence of the *Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005* which came into force in 2006 also played an important role as a policy used by the management to run the registration process of tarekat, the regulation control, investigation procedures and cancellation of the approval status of problematic tasawuf. The involvement of a qualified and authoritative academic *Jilsah al-Turuq al-Sufiyyah* also strengthens the management of *tarekat tasawuf* in this state. The result of integrated and systematic management shows the positive development of *tarekat tasawuf* in Negeri Sembilan. A total of 12 *tarekat tasawuf* have been legally registered and monitored by the *Bahagian Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan*. Based on the latest registration recorded in 2017, there is no new addition of tarekat until todate. The existence of tarekat practicing center in Negeri Sembilan was plotted to see the distribution and centralization of tarekat centers which clearly show that Seremban is the highest in the number of tarekat practicing centers. This is likely to be related to the position of the *Jabatan Mufti Negeri Sembilan* that is in Seremban. Efforts undertaken by the *Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan* will hopefully be emulated by other states in Malaysia in order to ensure the spreading of tarekat tasawuf coincides with Islamic law and the principles of the al-Quran and al-Sunnah and far from deviation of faith.

Keywords: *tarekat tasawuf; management; established; tarekat practicing center*

Impak Pengurusan Bersepadu ke atas Perkembangan Tarekat Tasawuf di Negeri Sembilan, Malaysia

ABSTRACT

Tarekat tasawuf sudah lama bertapak di Malaysia termasuk di Negeri Sembilan. Tarekat dikatakan mula memasuki negeri ini bermula pada tahun 1900. Namun begitu, ketika awal kemasukan tarekat ke negeri ini, masih belum ada lagi sistem pengurusan yang sistematik dan bersepadu. Artikel ini memperihalkan kesan daripada pengurusan bersepadu ke atas perkembangan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Metodologi melibatkan kajian kepustakaan, semakan dokumen berkaitan dan temubual bersama Pendaftar Tarekat, Bahagian Tarekat Tasawuf Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Objektif kajian ialah untuk melihat keefisienan pengurusan tarekat dan impaknya terhadap perkembangan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Penubuhan Bahagian Tarekat Tasawuf Jabatan Mufti Negeri Sembilan pada tahun 2007 membuktikan bahawa kerajaan negeri sangat serius dalam mengawal selia segala aktiviti tarekat di negeri ini. Kewujudan Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005 yang mula dikuatkuasakan pada 2006 turut memainkan peranan penting sebagai satu polisi yang digunapakai oleh pihak pengurusan bagi menjalankan proses pendaftaran, pengawalan, prosedur penyiasatan dan pembatalan status kelulusan sesuatu tarekat tasawuf yang bermasalah. Penglibatan ahli akademik bertauliah dan berautoriti dalam *Jilsah al-Turuq al-Sufiyyah* juga memantapkan lagi pengendalian pengurusan tarekat tasawuf di negeri ini. Hasil daripada pengurusan yang bersepadu dan sistematik menunjukkan perkembangan positif tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Sebanyak 12 buah tarekat tasawuf telah bernaung di bawah pengurusan Bahagian Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan. Berdasarkan kepada rekod pendaftaran terkini pada tahun

2017, tiada penambahan tarekat baru hingga kini. Kewujudan pusat pengamalan tarekat di Negeri Sembilan telah diplotkan untuk melihat taburan dan pemusatan pusat tarekat yang jelas menunjukkan daerah Seremban merupakan kawasan yang paling tinggi mempunyai pusat pengamalan tarekat. Hal ini berkemungkinan berkaitan dengan kedudukan Jabatan Mufti yang terletak di daerah Seremban. Usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan ini diharapkan akan dapat dijadikan contoh oleh negeri-negeri lain di Malaysia agar semua tarekat tasawuf yang disebarkan bertepatan dengan syariat Islam dan prinsip al-Quran dan al-Sunnah serta jauh daripada penyelewengan akidah.

Kata Kunci: *tarekat tasawuf; pengurusan; perkembangan; pusat pengamalan tarekat*

Pendahuluan

Wacana mengenai tarekat tasawuf di Malaysia telah banyak dibincangkan oleh pelbagai pihak dan tokoh daripada pelbagai aliran. Umumnya perbincangan berkaitan tentang sejarah, aliran tarekat, amalan tarekat dan tokoh-tokoh tarekat yang tersohor di Malaysia. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai pengurusan dan kesannya terhadap perkembangan tarekat tasawuf belum pernah dilakukan. Artikel ini memfokuskan mengenai impak pengurusan bersepadu dan sistematik ke atas perkembangan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan.

Tarekat tasawuf mula diperkenalkan dan dibawa masuk ke Negeri Sembilan pada awal tahun 1900 melalui tarekat Naqsyabandiyah, diikuti pada tahun 1902 oleh Tarekat Ahmadiyah al-Dandarawiyah. Penyebaran dakwah tarekat tasawuf pada awal kemasukannya ke Negeri Sembilan disebarkan oleh individu yang diberi keizinan untuk menyebarkan tarekat. Namun begitu, pada ketika itu belum ada sistem pengurusan tarekat yang efektif dan sistematik untuk menjaga kebajikan tarekat tasawuf. Bukan itu sahaja, pada ketika itu juga belum ada lagi satu badan pemantau yang memantau perjalanan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Dokumen-dokumen bertulis berkaitan ijazah kebenaran mengamalkan dan menyebarkan sesuatu tarekat tasawuf dan dokumen berkaitan amalan tarekat juga belum lagi dikemas kini dan disimpan dalam satu pangkalan data yang sistematik. Kesemua dokumen berkaitan hanya disimpan sebagai koleksi simpanan syekh tarekat sahaja, malahan dokumen berkaitan masih dalam bentuk manuskrip sahaja. Hal ini mengakibatkan wujud pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan nama tarekat tasawuf dan berselindung di sebalik ajaran sesat menyebarkan dakyah sesat di kalangan masyarakat. Masyarakat juga sukar membezakan antara tarekat tasawuf yang tulen dan yang sesat sehingga mewujudkan pihak yang tidak bertanggungjawab memanipulasikan dokumen asal demi kepentingan peribadi.

Justeru itu, fokus kajian ini ialah melihat kepada kesan pengurusan bersepadu dan impaknya ke atas perkembangan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Hal ini merujuk kepada badan pengurusan yang mengendalikan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan dan kesan kepada pertambahan bilangan tarekat tasawuf yang terdapat di Negeri Sembilan. Hasil kajian ini juga boleh digunakan sebagai rujukan berkaitan perkembangan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual bagi memperolehi data mentah. Penelitian dilakukan ke atas dokumen berkaitan sejarah aliran tarekat tasawuf di Malaysia, sejarah kemasukan tarekat dan juga aliran tarekat tasawuf yang bertapak di Negeri Sembilan. Seterusnya, melalui dapatan data bilangan tarekat tasawuf, satu plot taburan pusat pengamalan tarekat mengikut daerah yang terdapat di Negeri Sembilan telah dilakukan. Selain itu, kaedah temu bual bersama Pendaftar tarekat tasawuf Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan secara deskriptif juga digunakan bagi mendapatkan data sokongan berkaitan sejarah dan pengurusan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan.

Konsep Tarekat Tasawuf

Istilah tarekat dan tasawuf tidak asing lagi di Malaysia tetapi masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak memahami atau tidak pernah mendengar mengenai kedua-dua istilah tersebut. Malahan terdapat juga mereka yang telah biasa dengan kedua-dua istilah ini, masih tidak mampu membezakan antara penakrifan atau pemahaman. Menurut Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (1978), tarekat merupakan satu jalan yang membolehkan seseorang itu mencapai sifat ihsan. Tarekat juga boleh didefinisikan sebagai suatu perjalanan para salik menuju kepada Allah melalui beberapa peringkat dan maqamat (Al-Jurjani, 1982). Selain itu, tarekat juga merupakan suatu perjalanan kerohanian yang berasaskan syariat Islam untuk mendapat keredhaan dan jalan mengenal Allah sebagaimana yang difahami dalam konsep tauhid (Schimmel, 1975).

Ilmu tasawuf pula sesuai didefinisikan sebagai ilmu *tazkiyah* atau *ihsan* atau *fiqh al-Batin*, iaitu merupakan satu proses penyucian jiwa berlandaskan syarak, membersihkan hati daripada segala noda, menyeru kepada kesempurnaan iman sehingga tercapai darjat ihsan, berakhlak dengan akhlak Nabi dan sentiasa mengikut baginda dalam sifat batiniah (Abu al-Hasan Ali al-Nadwi, 1966). Tasawuf juga merupakan salah satu ilmu untuk mengetahui keadaan jiwa manusia sama ada ianya terpuji atau tercela, ilmu kaedah untuk menyucikan hati, menghiasinya dengan sifat terpuji dan merupakan cara untuk

mencapai jalan menuju Allah (Amin al-Kurdi, 1991). Menurut Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani (1993), tasawuf merupakan ilmu penyucian hati dengan amalan *khalwah*, *riyadah* dan sentiasa berzikir dengan dilandasi iman yang benar, *mahabbah*, taubah dan ikhlas. Hubungan antara tasawuf dan tarekat juga begitu rapat (Zulkifli Mohammad al-Bakri, 2012), tasawuf merupakan ilmu yang menghasilkan etika cara hidup (Heck, 2006) dan merupakan ilmu yang telah mencapai tahap kematangan (Qasim Ghani, 1972).

Tarekat tasawuf yang baik ialah yang diamalkan berpandukan kepada al-Quran dan al-Hadith iaitu mengikut sunnah Nabi s.a.w (Badiuzzaman Said al-Nursi, 2007) manakala setiap tarekat menyeleweng yang tidak menepati al-Quran dan al-Hadith akan membawa kepada kerosakan dan kesesatan (Abdul Halim Mahmud, t.t). Berdasarkan hujah-hujah tersebut jelas dilihat istilah tasawuf dan tarekat saling berkaitan antara satu sama lain. Tarekat bermaksud suatu jalan kerohanian, tasawuf pula merupakan hasil atau pencapaian daripada perjalanan kerohanian itu yang menghasilkan sesuatu yang terbaik daripada sebelumnya.

Tarekat Tasawuf di Malaysia

Umat Islam di seluruh dunia termasuk di Malaysia sedang menghadapi pelbagai bentuk ujian dan cabaran yang boleh mengancam kesucian akidah dalam menempuh arus pemodenan. Antara ancaman yang dimaksudkan itu ialah pengaruh ajaran sesat yang mana setiap doktrin ajaran sesat itu menyerap masuk secara halus ke dalam setiap diri umat Islam tanpa disedari. Namun apa yang mendukacitakan ialah fenomena ajaran sesat di Malaysia sering kali dikaitkan dengan ajaran tarekat tasawuf (Siti Zubaidah Ismail, 2010). Wujud juga pihak yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasi nama tarekat tasawuf dalam ajaran sesat mereka (Abdul Majid bin Omar, 2008).

Tarekat tasawuf merupakan kumpulan dakwah yang penting di kalangan umat Islam di Malaysia termasuklah di Negeri Sembilan di mana ianya merupakan salah satu wadah penyebaran ajaran Islam. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1963), terdapat sembilan tarekat yang memainkan peranan penting di kepulauan Melayu iaitu tarekat Qadiriyyah, Naqsyabandiyah, Rifaiyyah, Syadziliyyah, Chistiyah, Syattariyyah, Ahmadiyah, Tijaniyyah dan Alawiyah. Hamdan Hassan (1990) telah menyenaraikan lima belas organisasi tarekat yang terdapat di Malaysia iaitu tarekat Naqsyabandiyah, Ahmadiyah, Qadiriyyah, Qadiriyyah Naqsyabandiyah, Syatiriyyah, Alawiyah, Shammaniyah, Aiderusiyah, Mufradiyyah, Suhrawardiyah, Rifa'iyah, Darqawiyah, Khalwatiyyah, Shadhiliyyah dan Sanusiyah. Aliran tarekat tasawuf mula dibawa masuk ke Malaysia melalui pendakwah (khalifah) yang telah mendapat kebenaran daripada syeikh tarekat masing-masing bagi menyebarkan dakwah tarekat tersebut.

Sejarah Kemasukan Tarekat Tasawuf ke Negeri Sembilan

Tarekat tasawuf mempunyai kedudukan yang istimewa di kalangan masyarakat di Negeri Sembilan. Buktinya, Negeri Sembilan merupakan antara negeri di Malaysia yang menerima kemasukan dakwah tarekat tasawuf yang dibawa oleh pendakwah daripada anak kelahiran Negeri Sembilan sendiri. Bukan itu sahaja, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan juga telah memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan dakwah tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Ketika isu pengharaman amalan tarekat tasawuf di Malaysia yang berlaku pada tahun 1987, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan merupakan satu badan kerajaan yang mempertahankan institusi tarekat tasawuf agar terus bertapak di Malaysia (Danial Farhan Dolmat, 2016).

Berkaitan tarikh awal kemasukan tarekat tasawuf ke Negeri Sembilan pula, tidak dapat dipastikan secara tepat tarikh sebenar kemasukan tarekat tasawuf ke Negeri Sembilan kerana tiada dokumen rasmi mengenainya. Berpandukan kepada pendapat pengkaji lepas yang mengkaji sejarah tarekat tasawuf di Negeri Sembilan berkemungkinan tarikh kemasukan tarekat Ahmadiyah al-Dandarawiyah ke Negeri Sembilan ialah sekitar tahun 1900. Hal ini berdasarkan hujah pada tahun itu, pengasas utama tarekat ini di Negeri Sembilan menerima Ijazah tarekat Ahmadiyah al-Dandarawiyah daripada pengasas tarekat itu sendiri iaitu Syeikh Muhammad bin Ahmad al-Dandarawi (Hamdan Hassan, 1990). Menurut Sulaiman Ibrahim (1996), tarikh kemasukan tarekat Ahmadiyah al-Dandarawiyah ke Negeri Sembilan ialah pada tahun 1902. Manakala kemasukan tarekat Naqsyabandiyah ke Negeri Sembilan pula lebih awal iaitu pada tahun 1900 melalui Syeikh Haji Ahmad al-Baqir yang membuka surau suluk di kawasan Batu 7, Pantai, Jalan Jelevu, Negeri Sembilan (Abdul Manam Mohamad et.al, 2013).

Berdasarkan kajian lepas membuktikan bahawa tarikh awal kemasukan tarekat tasawuf ke Negeri Sembilan bermula pada tahun 1900. Di antara tarekat yang awal masuk ke Negeri Sembilan, Tarekat Ahmadiyah merupakan tarekat yang lebih masyhur dan terkenal berbanding tarekat Naqsyabandiyah kerana tarekat ini mempunyai pengikut yang ramai dan juga kerana pengaruh yang dimiliki oleh Syeikh Muhammad Sa'id dan anaknya Syeikh Ahmad yang merupakan Mufti pertama kerajaan Negeri Sembilan. Namun begitu, jasa yang dibawa oleh syeikh Haji Ahmad al-Baqir dengan membawa masuk tarekat Naqsyabandiyah ke Negeri Sembilan juga merupakan jasa yang besar kerana beliau juga antara pelopor dakwah tarekat tasawuf di Negeri Sembilan.

Aliran Tarekat Tasawuf Yang Terdapat di Negeri Sembilan

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, Negeri Sembilan menerima kemasukan tarekat pertama pada tahun 1900 diikuti dua tahun selepasnya iaitu pada tahun 1902. Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyyah di Negeri Sembilan khususnya di daerah Seremban telah dikembangkan oleh Haji Ma'ruf bin Yaaqub (Mohd Faizal Harun, 2015). Beliau mengambil tarekat ini daripada gurunya Haji Ahmad Muhammad Baqir pada tahun 1920. Beliau diizinkan untuk memimpin TNK bermula pada tahun 1942 (Abdul Manam et. al, 2013). Pada tahun 1955, beliau telah memimpin TNK yang beroperasi di Kampung Sungai Bunga (Mohd Faizal Harun, 2015) dan pada tahun 1965, beliau telah mendirikan surau *suluk* di Kampung Baru, Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan. Di bawah kepimpinan beliau inilah, TNK berkembang pesat ke merata tempat di Semenanjung Malaysia khususnya di Negeri Sembilan (Abdul Manam et. al, 2013). Pada tahun 1982 pula, TNK di Kampung Baru, Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan dipimpin oleh Haji Abu Talib Rabit. Beliau menerima TNK daripada gurunya Haji Ma'ruf pada 19 Mei 1982 (Ma'ruf bin Yaaqub, 1982). Pada masa kini, TNK di Pekan Lenggeng, Seremban, Negeri Sembilan di pimpin oleh Haji Abu Talib Rabit.

Pada tahun 1973, TNK di kembangkan lagi ke daerah Tampin iaitu di Felda Bukit Rokan, Gemencheh, Negeri Sembilan melalui Haji Abdul Malik Nordin. Beliau menerima TNK daripada gurunya Haj Ma'ruf Yaaqub pada 26 Ogos 1973 (Ma'ruf bin Yaaqub, 1973). Pada masa kini, TNK di Felda Bukit Rokan di pimpin oleh Mohd Anua bin Mohd Zin yang menerima TNK daripada gurunya. TNK Negeri Sembilan terus berkembang iaitu masuk ke daerah Jelevu melalui Haji Abdul Manaf Jaya. Haji Abdul Manaf bin Jaya menerima TNK daripada gurunya pada 2 Julai 1983 (Syamsudin Buyung, 1983). Pada masa ini TNK di Kuala Kelawang, Jelevu dipimpin oleh Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf. Beliau menerima tarekat ini daripada ayahnya Haji Abdul Manaf bin Jaya yang juga merupakan individu yang di pertanggungjawabkan oleh Syeikh untuk menyebarkan TNK di Jelevu. Seterusnya, Pada 1990, TNK terus berkembang lagi ke daerah Jempol iaitu di Serting Ulu, Bahau, Jempol, Negeri Sembilan. TNK di Serting Ulu ini dipimpin oleh Zainal Ariff bin Mohd Din yang menerima TNK daripada ayahnya sendiri Mohd Din Yunus pada 12 Ogos 1990 (Mohd Din Mohd Yunus, 1990). TNK juga mempunyai cabang lain yang terletak di Batu 8 Kampung Jawa, Labu, Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Habib Shah Firdaus bin Habib Ahmad.

Tarekat Ahmadiyyah al-Dandarawiyah merupakan tarekat tasawuf yang tersohor dan juga merupakan antara tarekat terawal yang masuk ke Negeri Sembilan. Menurut Mohd Faizal (2015), selepas kematian pengasas utama tarekat ini di Negeri Sembilan, kepimpinan tarekat berpindah kepada individu-individu yang telah dipertanggungjawabkan antaranya anaknya sendiri iaitu Syeikh Abdullah bin Syeikh Muhammad Sa'id. Kemudian, dipimpin oleh adik Syeikh Abdullah iaitu Syeikh Haji Ahmad. Syeikh Haji Ahmad berjaya menubuhkan dan mengasaskan pusat pengajian ilmu dan pusat pengamalan tarekat ini yang terletak di Kampung Rasah, Seremban, Negeri Sembilan atau lebih dikenali sebagai Pondok Rasah oleh masyarakat setempat (Mohammad Haji Alias, 2016). Setelah kematian Syeikh Haji Ahmad, tarekat ini dipimpin adiknya iaitu Haji Abdul Rasyid dan juga pernah dipimpin oleh Haji Muhammad Nor yang merupakan saudara kepadanya. Tarekat ini terus dikembangkan oleh Syeikh Murtadza iaitu anak kepada Syeikh Haji Ahmad bin Syeikh Muhammad Sa'id. Syeikh Murtadza pernah menjawat jawatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan pada 5 Januari 1997, beliau dilantik sebagai syeikh tarekat Ahmadiyah al-Dandarawiyah bagi kawasan Asia Tenggara oleh Sayyid Ahmad bin Idris yang merupakan waris kepada pengasas utama tarekat Ahmadiyah (Mohd Faizal Harun, 2015). Kini tarekat Ahmadiyyah al-Dandarawiyah ini dipimpin Ustaz Mohd Hasif bin Murtadza iaitu selepas kematian bapanya Syeikh Murtadza bin Haji Ahmad pada 14 Mac 2017 (Syaiful Nizam Md Jan, 2017).

Selain daripada tarekat Ahmadiyyah al-Dandarawiyah, terdapat cabang lain tarekat Ahmadiyah di Negeri Sembilan iaitu Tarekat al-Ja'fariyah al-Ahmadiyah al-Muhammadiyah (TJAM). Tarekat ini merupakan cabang daripada tarekat Ahmadiyah yang terdapat di Negeri Sembilan. TJAM dibawa masuk ke Negeri Sembilan melalui Dr. Shuhadak bin Mahmud pada tahun 2011. Beliau menerima TJAM daripada gurunya iaitu Syeikh Abd Ghani bin Syeikh Soleh al-Ja'fari yang merupakan anak kepada Syeikh Soleh al-Ja'fari, syeikh tarekat di Kompleks Islam Syeikh Soleh al-Ja'fari, Dirasah, Kaherah Mesir pada 21 Julai 2011 (Syeikh Abd Ghani Syeikh Soleh al-Ja'fari, 2011). Pusat pengamalan TJAM terletak di Lot 6070 Kanan 3, Kampung Ismail, 70400 Ampangan, Seremban Negeri Sembilan. Dr. Shuhadak bin Mahmud merupakan individu yang dipertanggungjawab oleh Syeikh tarekat tersebut untuk menyebarkan TJAM di Negeri Sembilan.

Cabang ketiga tarekat Ahmadiyah di Negeri Sembilan ialah tarekat al-Muhammadiyah al-Sanusiyah al-Idrisiyah (TMSI). Tarekat ini dibawa masuk ke Negeri Sembilan pada tahun 2012 melalui Dato' Haji Muhammad Fuad bin Kamaludin. Beliau menerima TMSI daripada gurunya Syeikh Nafa' El-Arabi El-Sanussi pada 18 September 2012 (Mujahid Abdul Wahab, 2015). Pusat pengamalan TMSI terletak di Madrasah al-Husainiah, Kampung Chenong Rembau dan Kompleks Yayasan Sofa Negeri Sembilan, Blok B, Jalan Dataran Sentral 3, Dataran Sentral, Seremban, Negeri Sembilan.

Selain daripada dua tarekat ini, terdapat tarekat lain yang masuk ke Negeri Sembilan yang dibawa oleh individu yang telah diberi kebenaran untuk menyebarkan tarekat di Negeri Sembilan iaitu tarekat Al-

Syazuliyah Al-Darqawiyah (TSD). Tarekat ini dibawa masuk ke daerah Jempol oleh Ustaz Haji Nasir Othman pada tahun 2002 (Mohd Faizal Harun, 2012). Beliau menerima tarekat ini daripada gurunya Syeikh Dr. Yusof Muhyiddin Riq el-Bakhur al-Hasani pada 2 Ogos 2002 (Nasir Othman, 2002). Tarekat Syazuliyah (TS) ini juga terdapat di Surau Kampung Kuala Dadeh, Sawah Raja, Rembau Negeri Sembilan. Tarekat ini dibawa masuk ke daerah Rembau oleh Haji Zulkifli bin Haji Zakaria. Beliau menerima TS daripada gurunya Dr. al-Haj Mahmoud MrGhani (Bahagian Tarekat Tasawuf, Tarekat al-Syaziliyyah, 2005).

Seterusnya, ialah tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah (TQN). Tarekat ini dibawa masuk ke Nilai dan Labu Negeri Sembilan melalui Ustaz Shaifudin Maulup pada tahun 2005. Beliau menerima TQN daripada KH. A Shohibul Wafa Tajul 'Arifin di Pondok Pesantren Suryalaya Desa Tanjungkerta Kecamatan Pagerageung Kabupaten Tasikmalaya, Jawa Barat Indonesia (Pondok Pesantren Suryalaya, 2005). Terdapat dua pusat pengamalan TQN Negeri Sembilan iaitu yang pertama terletak di Surau Nurul Hidayah Kampung Pondok Batu 14, Nilai Negeri Sembilan dan yang kedua di Surau al-Irshad Batu 10 Labu, Negeri Sembilan. Ustaz Shaifudin bin Maulup merupakan individu yang dipertanggungjawabkan oleh syeikh tarekat untuk menyebarkan tarekat ini di Negeri Sembilan. Bukan itu sahaja, tarekat Dusuqiyyah Muhammadiyah (TDM) juga terdapat di Negeri Sembilan. Tarekat ini dibawa masuk ke daerah Seremban, Negeri Sembilan oleh Ustaz Mohd Fadhil bin Ariffin. Beliau menerima TDM dari gurunya Sayyidi Syeikh Muhktar 'Ali Muhammad al-Dasuqi pada 2 Disember 2002 (Syeikh Muhktar 'Ali Muhammad al-Dasuqi, 2002). Kesemua tarekat tasawuf yang telah dinyatakan diatas, telah didaftarkan dibawah Bahagian Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (Bahagian Tarekat Tasawuf, Dokumen Pendaftaran Tarekat Tasawuf Yang Diluluskan, 2014).

Badan Pengurusan Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan

Negeri Sembilan merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang memandang serius perkembangan dakwah tarekat tasawuf. Kesungguhan Jabatan Mufti Negeri Sembilan dalam memperkasakan dan memantapkan lagi tarekat tasawuf terbukti apabila tertubuhnya Bahagian Tarekat Tasawuf (BTT) di bawah Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2007. Bahagian ini bertanggungjawab untuk melaksanakan segala yang terkandung dalam Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005. Secara ringkasnya, kandungan Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005 meliputi; Permohonan pendaftaran tarekat tasawuf, kewajipan syeikh tarekat tasawuf, pengawalan tarekat tasawuf, penyiasatan tarekat tasawuf, penyampaian notis disebabkan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan dan juga peruntukan yang telah ditetapkan dalam enakmen ini (Undang-undang Negeri Sembilan, 2005). Enakmen ini bertindak sebagai satu garis panduan yang digunakan untuk meluluskan satu permohonan tarekat yang ingin disebarkan dan diamalkan di Negeri Sembilan.

Badan pengurusan tarekat tasawuf ataupun lebih dikenali sebagai Bahagian Tarekat Tasawuf (BTT) dianggotai oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar. Fungsi bahagian ini ialah untuk menguruskan segala hal ehwal berkaitan kegiatan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan seperti menguruskan pendaftaran tarekat, menerima dan menyemak permohonan yang telah dikemukakan kepada bahagian ini dan juga dipertanggungjawabkan untuk mengumpul segala maklumat berkaitan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Prosedur pendaftaran tarekat diluluskan apabila sesuatu dokumen permohonan telah lengkap dan amalan tarekat yang diamalkan jelas mematuhi disiplin ilmu tarekat tasawuf dan syariat Islam. BTT akan mengemukakan permohonan pendaftaran kepada pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (JFNS) yang bertanggungjawab meneliti segala dokumen sesebuah tarekat yang hendak didaftarkan dan pihak JFNS yang diberi autoriti untuk menolak atau meluluskan permohonan tersebut. BTT pula akan mengeluarkan satu perakuan pendaftaran membuktikan bahawa tarekat tersebut telah diluluskan pendaftarannya dan boleh disebarkan di kalangan masyarakat Negeri Sembilan. Selepas perakuan pendaftaran dikeluarkan, BTT bertanggungjawab untuk menyelia segala kegiatan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan agar kesemua tarekat tasawuf yang berdaftar menjalankan kegiatan tarekat tasawuf berlandaskan syariat Islam. BTT juga berhak memperbetulkan apa-apa butiran yang mempunyai kesilapan. Selain itu, bahagian ini juga akan menyediakan satu laporan khas jika terdapat tarekat tasawuf yang sudah ditarik kelulusan pendaftarannya.

BTT bertanggungjawab menyimpan segala dokumen rasmi berkaitan tarekat, dipertanggungjawabkan untuk membuat siasatan segala salah laku atau penyelewengan yang dilakukan oleh mana-mana tarekat dan juga bertanggungjawab mengadakan, mengendalikan dan menganjurkan kursus, seminar dan penerbitan berkaitan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. BTT juga berperanan menganjurkan pelbagai seminar yang diadakan secara berkala pada setiap tahun seperti Diskusi Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan dan Munaqashah Sufi. Bahagian ini juga berkerjasama dengan pusat pengamalan tarekat seperti tarekat al-Ahmadiyah al-Idrisiah al-Rashidiah al-Dandarawiah dengan mengadakan Simposium Tarekat Tasawuf pada setiap tahun. Selain itu, pihak Jabatan Mufti Negeri Sembilan juga berkerjasama dengan ahli akademik bagi menerbitkan bahan bacaan berkaitan tarekat tasawuf dengan tujuan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat Negeri Sembilan tentang tarekat tasawuf (Syaiful Nizam Md Jan, 2017).

Kewujudan BTT Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan ini membuktikan bahawa Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan begitu komited dalam menjaga, mengurus selia dan mengawal segala pengamalan yang berkaitan dengan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan agar tidak berlaku sebarang penyelewengan dan memastikan pelaksanaan semua tarekat tasawuf di negeri tersebut sentiasa berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah serta bertepatan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Impak daripada Pengurusan Tarekat yang Besepadu dan Sistematis

Penubuhan BTT adalah untuk mengawal selia perjalanan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan dan dalam menguruskan tarekat tasawuf ini, pihak BTT telah bekerjasama dengan pelbagai pihak antaranya pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (JFNS) dan *Jilsah al-Turuq al-Sufiyyah* (JTS). Antara impak yang dapat dikenal pasti dengan kewujudan badan pengurusan tarekat tasawuf pada tahun 2007 yang sistematis ini ialah seperti berikut:

2.1. Penapisan dan pengawalan tarekat tasawuf yang masuk ke Negeri Sembilan

Pihak BTT terlebih dahulu melakukan penapisan terhadap setiap tarekat yang ingin diamalkan di Negeri Sembilan. BTT akan mengeluarkan surat kebenaran rasmi penyebaran tarekat tasawuf yang telah diluluskan pendaftarannya oleh pihak JFNS selepas disaring oleh pihak JTS yang bertindak sebagai panel penilai sesuatu tarekat tasawuf berdasarkan sesi temu bual bersama pihak pengurusan tarekat tersebut. Pengiktirafan dikeluarkan oleh BTT untuk memberi kebenaran kepada penyebaran dan pengamalan tarekat tasawuf di seluruh Negeri Sembilan, serta memastikan pelaksanaannya selaras dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Kesemua tarekat tasawuf tersebut dibenarkan untuk menyebarkan dakwah tarekat masing-masing setelah mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

2.2. Mewujudkan pangkalan data tarekat tasawuf di Negeri Sembilan

Setiap dokumentasi berkaitan tarekat tasawuf seperti ijazah *salasilah* tarekat yang dimiliki oleh wakil syeikh tarekat, dokumen berkaitan amalan dan ajaran tarekat, laporan tahunan pengurusan tarekat dan juga dokumen berkaitan tarekat tasawuf perlu disimpan dalam satu pangkalan data yang sistematis bagi tujuan menjaga ketulenan dan kesahihan sesebuah dokumen tarekat. Kebanyakan dokumen tarekat tasawuf yang asal masih lagi berbentuk manuskrip dan dengan adanya pangkalan data ini, manuskrip tersebut boleh diubah menjadi satu dokumen yang lebih praktikal dan tersusun.

2.3. Membina institusi tarekat tasawuf yang lebih bersifat ilmiah

Kewujudan panel pengkaji yang mengkaji amalan tarekat tasawuf yang terdapat di Negeri Sembilan dikenali sebagai *Jilsah al-Turuq al-Sufiyyah* (JTS). Pihak JTS ini dianggotai oleh ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang tarekat tasawuf. Sesuatu tarekat tasawuf yang ingin masuk ke Negeri Sembilan akan dikaji terlebih dahulu oleh pihak JTS ini dan telah dipastikan telah menepati disiplin ilmu tarekat tasawuf berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Kewujudan badan ini juga menunjukkan bahawa Negeri Sembilan menuju ke arah memperkasakan disiplin ilmu tarekat tasawuf. Tarekat yang telah disemak oleh panel JTS yang terdiri daripada barisan pakar yang berautoriti akan diperakui oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (JFNS), seterusnya diberikan perakuan pendaftaran sebagai satu bukti pengiktirafan undang-undang. Kewujudan pihak JTS ini juga merupakan salah satu langkah terbaik untuk menjadikan institusi tarekat tasawuf di Negeri Sembilan tersusun, sistematis dan tulen (sahih). Antara perkara penting yang disemak oleh panel JTS ialah berkenaan dengan nama tarekat, *salasilah* tarekat, syeikh tarekat, orang yang dipertanggungjawab oleh syeikh, tempat pusat pengamalan, organisasi tarekat tasawuf, bentuk amalan serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Setiap tarekat tasawuf yang diluluskan pendaftaran wajib mematuhi kehendak-kehendak pihak JTS secara berterusan tanpa sebarang provokasi. Hal ini penting bagi memastikan bahawa tarekat tasawuf yang diamalkan sentiasa dalam keadaan terpelihara daripada unsur kesesatan ataupun mengandungi unsur tarekat tasawuf palsu.

2.4. Matlamat sifar ajaran sesat

Permasalahan ajaran sesat yang dikaitkan dengan tarekat tasawuf telah wujud pada zaman awal kemasukan tarekat tasawuf di Malaysia. Kesannya, pengharaman tarekat tasawuf telah dilakukan oleh pihak berkuasa bagi menyelesaikan masalah tersebut. Namun begitu, ajaran sesat tersebut bukannya berpunca daripada ajaran tarekat tasawuf yang menepati syarak tetapi ianya berlaku kerana ajaran sesat yang berselindung di sebalik nama tarekat tasawuf. Kewujudan masalah itu menjadikan halatujau tarekat tasawuf khususnya di Negeri Sembilan berada dalam kesamaran. Sebahagian besar masyarakat juga

memandang serong kepada institusi tarekat kerana dalam fikiran mereka ajaran tarekat tasawuf adalah ajaran sesat. Hasilnya pengamal tarekat tasawuf dipinggirkan daripada arus perdana. Keadaan ini telah menjerut kelangsungan dan survival perkembangan tarekat tasawuf. Jika masalah ini tidak dibendung, mentaliti masyarakat akan lebih memandang negatif terhadap tarekat tasawuf dan semakin menjauhkan masyarakat terhadap kumpulan yang mengamalkan tarekat. Bagi mengatasi masalah seperti inilah, pihak BTT mewujudkan skuad pemantau bagi memantau perjalanan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Pemantauan berkala dilakukan oleh pegawai yang bertanggungjawab untuk memastikan perjalanan dakwah tarekat tasawuf mematuhi peruntukan yang disediakan. Sesuatu tarekat tasawuf akan terus dan sentiasa dipantau dan dimurnikan. Anggota JTS diberi tanggungjawab penuh oleh JFNS untuk membuat penyelidikan dan kajian mendalam terhadap semua aspek tarekat tasawuf dan pengamalannya. Oleh sebab itu, anggota JTS dilantik di kalangan penyelidik yang berkepakaran dalam bidang tasawuf dan di kalangan pengamal tarekat itu sendiri. Setiap amalan yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah akan terus disekat dan dihalang untuk diamal dan disebar. Pihak JTS mengambil serius terhadap hal ini untuk memastikan pelaksanaan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan berlandaskan syariat Islam. Sepanjang enakmen tarekat ini dikuatkuasakan, terdapat dua tarekat tasawuf yang telah ditolak pendaftarannya iaitu Tarekat Ahmadiyah Syaziliah dan Tarekat Khidiriyah. Kelulusan sementara yang diberikan kepada tarekat Ahmadiyah Syaziliah ditarik balik kerana pemohon gagal hadir dalam mesyuarat JTS. Manakala Tarekat Khidiriyah pula ditolak permohonannya kerana tarekat tersebut tidak mematuhi disiplin ilmu tarekat tasawuf. Mengikut rekod pada tahun 2007 terdapat satu lagi tarekat iaitu Tarekat Ahmadiyah Qodiriah masih dalam pantauan pihak BTT kerana menurut kertas kerja yang dikeluarkan oleh JTS memutuskan tarekat tersebut perlu kepada kajian lanjut sebelum diberikan kelulusan untuk menyebarkan tarekatnya di Negeri Sembilan (Syariful Nizam, 2017).

2.5. Pemeraksanaan institusi tarekat tasawuf

Pemeriksaan dilakukan agar proses pengamalan tarekat tasawuf mencapai objektif sebenar penyebaran dan pengamalannya. Pembangunan dan pemeraksanaan yang dimaksudkan meliputi beberapa perkara antaranya ialah pemeraksanaan modal insan seperti kewajipan pihak pengurusan tarekat untuk mewujudkan majlis ilmu daripada pelbagai cabang bidang ilmu kerana agama Islam tidak terikat hanya pada bidang tasawuf sahaja. Seterusnya, pemeraksanaan kepimpinan tarekat seperti kewajipan dan tanggungjawab syeikh tarekat terhadap tarekat dan pengikutnya. Syeikh tarekat mampu membimbing pengikutnya daripada segi bimbingan kerohanian. Bukan itu sahaja, pembangunan pusat pengamalan tarekat tasawuf juga diambil kira. Kemudahan infrastruktur yang disediakan sewajarnya mampu memberi keselesaan terhadap pengamal tarekat tasawuf. Pembangunan sistem maklumat tarekat tasawuf pula melibatkan penyediaan laporan tahunan tarekat tasawuf dan bertanggungjawab memberi kemudahan untuk mengakses maklumat tambahan berkaitan tarekat tasawuf. Kewujudan kemudahan ini mampu untuk menjana satu proses pertukaran dan percambahan idea baharu untuk menjayakan misi dakwah tarekat tasawuf di Negeri Sembilan.

2.6. Memasyarakatkan tarekat tasawuf

Disiplin tarekat tasawuf perlu disebar dan diperluaskan sehingga meresap ke dalam masyarakat dan juga mampu memperkembangkan tentang kefahaman pengamalan tarekat tasawuf menurut al-Quran dan al-Sunnah di kalangan masyarakat. Masyarakat perlu menjadikan tarekat tasawuf ini sebagai medan untuk memperbaiki diri melalui latihan kerohanian yang disediakan oleh tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Para syeikh tarekat tasawuf perlu memainkan peranan yang besar dalam proses memberikan ilmu tarekat tasawuf kepada masyarakat sekelilingnya agar masyarakat mendapat manfaat daripada pengamalan tarekat tasawuf. Bukan itu sahaja, penganjuran pelbagai program pembentangan kertas kerja seminar tarekat tasawuf yang dianjurkan oleh pihak pengurusan tarekat Negeri Sembilan memberi impak terhadap kefahaman masyarakat tentang disiplin tarekat tasawuf. Kefahaman masyarakat terhadap disiplin tarekat tasawuf yang tinggi akan menyelesaikan segala masalah salah faham yang berlaku dalam kalangan masyarakat terhadap tarekat tasawuf. Apabila masyarakat sudah sehati dengan tarekat tasawuf, masyarakat juga akan bertindak sebagai ejen promosi kepada yang lain untuk mengenali lebih dekat lagi apa itu tarekat tasawuf seterusnya akan mengembangkan lagi pertumbuhan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan.

2.7. Penyeragaman pendaftaran tarekat tasawuf di Negeri Sembilan

Sebelum tahun 2005, belum ada lagi badan pengurusan yang mengawal selia tarekat tasawuf dan dengan kewujudan Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005 dan penubuhan BTT pada tahun 2007 mewujudkan satu keseragaman pendaftaran tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Keseragaman bermaksud, menyelaraskan kesemua tarekat tasawuf bernaung di bawah satu badan pengurusan yang terletak di bawah Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

2.8. Peningkatan bilangan pusat pengamalan tarekat tasawuf


Kesan yang paling besar hasil daripada pengurusan bersepadu dan sistematik tarekat tasawuf di Negeri Sembilan ialah dapat dilihat apabila masyarakat semakin yakin dengan kewujudan tarekat berdaftar di Negeri Sembilan seterusnya mengalu-alukan lagi kemasukan tarekat-tarekat lain ke Negeri Sembilan. Proses menyeragamkan keseluruhan pendaftaran tarekat tasawuf yang ada di Negeri Sembilan dilakukan secara berperingkat iaitu bermula pada tahun 2007. Bilangan pusat pengamalan tarekat semakin bertambah dan sehingga kini, data yang diperolehi menunjukkan 12 buah tarekat tasawuf didaftarkan di bawah BTT Negeri Sembilan. Senarai tarekat yang telah berdaftar sebagaimana dapat dilihat pada Jadual 1 di bawah:

Jadual 1. Senarai tarekat yang mendaftarkan mengikut daerah dan tahun pendaftaran di Negeri Sembilan

Bil	Aliran Tarekat	Daerah
1	Bahagian Tarekat Tasawuf Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan	Seremban
2	Tarekat al-Ahmadiyah al-Idrisiyah al-Rashidiah al-Dandarawiah	Seremban
3	Tarekat Naqsyabandiah al-Kholidiah	Lenggeng, Seremban
4	Tarekat al-Syazuliyah al-Darqawiyah	Jempol
5	Tarekat Qodiriyyah wa Naqsyabandiah	Labu, Seremban
6	Tarekat Dusuqiyyah Muhammadiah	Seremban
7	Tarekat Naqsyabandiah al-Kholidiah	Tampin
8	Tarekat Naqsyabandiah Bahaiyyah Khalidiyyah Mujaddidiyyah Dziaiyah	Jelebu
9	Tarekat al-Ja'fariyyah al-Ahmadiyah al-Muhammadiyah	Seremban
10	Tarekat al-Muhammadiyah al-Sanusiyah al-Idrisiyah	Seremban
11	Tarekat Naqshabandiyah al-Khalidiyah	Jempol
12	Tarekat al-Syazuliyah	Rembau
13	Tarekat Naqshabandiyah al-Kholidiyah	Labu, Seremban

3. Pola Taburan Pusat Pengamalan Tarekat Tasawuf di Negeri Sembilan

Lokasi pusat pengamalan yang didaftarkan dibawah pengurusan BTT telah diplotkan bagi melihat corak taburan dan pemusatan pusat pengamalan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Rajah 1 ámenunjukkan senarai tarekat yang mendaftarkan mengikut daerah dan tahun pendaftaran di Negeri Sembilan. Manakala taburan lokasi pusat pengamalan tarekat dan penumpuan kegiatan tarekat di Negeri Sembilan boleh dirujuk pada Rajah 1 di bawah:



Rajah 1 Taburan Pusat Pengamalan Tarekat Tasawuf di Negeri Sembilan

Hasil analisis menunjukkan pusat tumpuan pengamalan tarekat yang tertinggi ialah di sekitar Seremban dengan tujuh pusat pengamalan iaitu mewakili 58% daripada jumlah keseluruhan pusat

pengamalan tarekat yang wujud di Negeri Sembilan. Bahagian Tarekat Tasawuf Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan juga terletak di daerah Seremban. Hal ini mungkin menjadi sebab mengapa Seremban menjadi tumpuan pusat pengamalan tasawuf. Daerah kedua tertinggi pula ialah daerah Jempol yang mempunyai dua buah pusat pengamalan tarekat yang mewakili 17% daripada jumlah keseluruhan pusat pengamalan tarekat yang wujud di Negeri Sembilan. Seterusnya daerah Jelebu, Rembau dan Tampin yang mempunyai sebuah pusat pengamalan tarekat di setiap daerah masing-masing. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 12 buah pusat pengamalan tarekat yang berdaftar di Negeri Sembilan. Berdasarkan kepada rekod pendaftaran terkini pada tahun 2017, tiada penambahan tarekat baru antara 2014 hingga 2017.

Merujuk kepada plot taburan di atas menunjukkan bahawa, lima daripada tujuh daerah di Negeri Sembilan mempunyai pusat pengamalan tarekat. Semakin bertambah bilangan pusat pengamalan tarekat wujud di Negeri Sembilan, semakin tinggi tahap kefahaman masyarakat terhadap tarekat tasawuf kerana dengan kewujudan pusat pengamalan ini serba sedikit memberi kesan kepada masyarakat setempat untuk mengambil tahu mengenai tarekat tasawuf yang berada di sekitarnya. Dengan kewujudan pusat pengamalan yang banyak di daerah Negeri Sembilan maka adalah diharapkan akan dapat mencapai matlamat untuk memasyarakatkan tarekat tasawuf.

4. Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa pengurusan bersepadu tarekat memberi impak kepada perkembangan tarekat tasawuf di Negeri Sembilan. Pada tahun 2007 hingga 2014, bermula penyeragaman pendaftaran kesemua 12 buah tarekat tasawuf yang terdapat di Negeri Sembilan telah diletakkan di bawah satu badan pengurusan tarekat tasawuf bagi memantau segala perjalanan tarekat tasawuf di negeri ini. Penubuhan Bahagian Tarekat Tasawuf di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2007 yang dipertanggungjawabkan melaksanakan Enakmen Tarekat Tasawuf membuktikan lagi bahawa kerajaan Negeri Sembilan sangat serius dalam mengawal selia segala aktiviti tarekat tasawuf di negeri tersebut. Kewujudan Enakmen Tarekat Tasawuf Kerajaan Negeri Sembilan 2005 pula mengukuhkan lagi pengurusan tarekat tasawuf di negeri tersebut. Panel *Turuq al-Jilsah al-Sufiyyah* juga diwujudkan bagi mengkaji setiap amalan dan ajaran tarekat yang ingin didaftarkan di Negeri Sembilan membuktikan bahawa kerajaan Negeri Sembilan menginginkan setiap tarekat tasawuf yang hendak diamalkan mestilah menepati disiplin ilmu tarekat tasawuf Islam. Tarekat tasawuf yang terbaik adalah yang menggunakan metod dakwah yang berkesan dan bermotifkan kebaikan semata-mata, ajaran dan amalan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah serta dapat mempengaruhi masyarakat di sekitarnya untuk sama-sama menuju ke arah kebaikan. Adalah diharapkan usaha yang dijalankan oleh pentadbiran agama di Negeri Sembilan dapat dilaksanakan di negeri-negeri lain di Malaysia dan dapat dijadikan sebagai panduan asas pengurusan pengamalan tarekat tasawuf. Usaha ini diharapkan dapat memartabatkan lagi pengamalan tarekat tasawuf ke tahap yang lebih tinggi, di samping pemantauan dapat dilakukan secara berterusan, sistematik dan bersepadu.

Rujukan

- 'Ali bin Muhammad al-Jurjani. (1982). *Kitab al-Ta'rifat*. Kaherah: Dar al-Fadilah, p. 119.
- Abdul Majid bin Omar. (2008). *Ancaman ajaran sesat terhadap keharmonian rakyat Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penerangan Ajaran Salah dan Isu Semasa, Selangor: Shah Alam.
- Abdul Manam bin Mohamad, Mohd Syukri Yeoh bin Abdullah & Md Zuraini bin Mashrom. (2013) *Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah Malaysia siri 1 sejarah dan organisasi*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013, p. 60.
- Al-Imam Dr. 'Abdul Halim Mahmud. (T.t) *Fatawa Imam 'Abdul Halim Mahmud*. Kaherah: Dar al-Ma'arif, p. 391.
- Al-Sayid Abu al-Hasan Ali al-Nadwi. (1966). *Rabbaniyah La Rahbaniyyah*. Beirut: Dar al-Fath, p.12.
- Badiuzzaman Said al-Nursi. (2007) *The letters: Epistles in Islamic thought, belief and life, terj. Huseyin Akarsu*. New Jersey: The Light Inc, p. 20.
- Bahagian Tarekat Tasawuf, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (2014). *Dokumen pendaftaran Tarekat Tasawuf yang diluluskan*. Seremban: Jabatan Mufti Negeri Sembilan, p.1-4.
- Bahagian Tarekat Tasawuf, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (Dokumen Pendaftaran Tarekat Yang Telah Diluluskan Di Bawah Subseksyen 12 (1), Enakmen Tarekat Tasawuf (Negeri Sembilan) 2005, Tarekat al-Syaziliyyah), p. 1.
- Danial Farhan Dolmat. (2016). *Islam di Negeri Sembilan* disunting oleh Izziah Suryani Mat Resad@ Arshad, et.al. Negeri Sembilan, Majlis Agama Negeri Sembilan dan Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam UKM, p. 42.
- Hamdan Hassan (1990). *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, p. 59.
- Heck, P. L. (2006). Mysticism as morality: The case of sufism. *The Journal of Religious Ethics*, p. 253.
- Mohd Din bin Mohd Yunus. (1990). *Salasilah ar-Rijal at-Tariqah an-Naqsyabandiah, Sanad Tarekat untuk Zainal Arif bin Mohd Din*. Negeri Sembilan: Seriting Ulu, p. 29.
- Mohd Faizal Harun. (2015). *Tasawuf dan Tarekat sejarah perkembangan dan alirannya di Malaysia*. Kedah, Penerbit UUM, p.167-168, 198, 200, 238.
- Mohd Saiful Nizam, (Pendaftar Tarekat Bahagian Tarekat Tasawuf Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan), dalam temubual dengan penulis, 18 Disember 2017.
- Muhammad Amin al-Kurdi. (1991). *Tanwir al-Qulub*. Halab: Dar al-Qalm al-Arabiyy, p. 465.
- Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi. (1978). *Al-Shariah wa al-Tariqah*. Kaherah: Dar al-Rashid, p.100.
- Mujahid Abdul Wahab. (2015). *Muhammad Fuad bin Kamaludin: Detik-detik 20 tahun memahat episod sebuah perjuangan*. Selangor: Sofa Production, p. 429.

- Nasir Othman. (2002). *Salinan ijazah Tarekat Syazuliyah Darqawiyah Nasir Othman*. Negeri Sembilan: Jempol. 2.
- Pondok Pesantren Suryalaya. (2005). *Surat izin Talqin Dikir Thoreqat Qoodiriyah Naqsyabandiyah kepada Shaifudin bin Maulup*. Jawa Barat: Madrasah Suryalaya.
- Qasim Ghani. (1972). *Tarikh at-Tasawwufi al-Islam*. Kaherah: Maktabah an-Nahdah, p. 71.
- Schimmel, A. (1975). *Mystical dimensions of Islam*. Chapel Hill: The University of North Carolina Press, p. 98-99.
- Siti Zubaidah Ismail. (2010). Menangani ajaran sesat di kalangan umat Islam: Perspektif undang-undang dan pentadbiran. *Jurnal Syariah*, 18(2), p. 250.
- Sulaiman Ibrahim. (1996). *Al-Turuq Sufiyah fi Maliziya wa Atharuha 'Ala al-Da'wah al-Islamiyyah wa al-Mujtama' Islami*. Kaherah, Universiti al-Azhar, p. 269.
- Syamsudin bin Buyung. (1983). *Salasilah ar-Rijal at-Tariqah an-Naqsyabandiah, Sanad Tarekat untuk Haji Abdul Manaf bin Jaya*. Negeri Sembilan: Jelebu, p. 24.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1963). *Some aspects of Sufism as understood and practised among the Malays*. Singapore: Malaysia Sociological Research Institute, p. 32-33.
- Syeikh 'Abd al-Qadir al-Jilani. (1993). *Sirr al-Asrar*. Dimasyq: Dar al-Sanabil, p. 124.
- Syeikh Abd Ghani bin Syekh Soleh al-Ja'fari. (2011). *Surat perlantikan Ijazah Tarekat al-Ja'fariyah al-Ahmadiyah al-Muhammadiyah Dr. Syuhadak Mahmud*. Kaherah: Kompleks Islam Syekh Soleh al-Ja'fari, p.1.
- Syeikh Haji Ma'ruf bin Yaaqub. (1973). *Salasilah ar-Rijal at-Tariqah an-Naqsyabandiah, Sanad Tarekat untuk Haji Malek bin Haji Nordin*. Negeri Sembilan: Lenggeng, p. 6.
- Syeikh Haji Ma'ruf bin Yaaqub. (1982). *Salasilah ar-Rijal at-Tariqah an-Naqsyabandiah, Sanad Tarekat unuk Haji Abu Talib bin Rabit*. Negeri Sembilan: Lenggeng, p. 9.
- Syeikh Muhktar 'Ali Muhammad al-Dasuqi. (2002). *Salinan ijazah Tarekat Dusuqiyyah Muhammadiyyah Fadhil Ariffin*. Mesir,1.
- Undang-undang Negeri Sembilan. (2005). *Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad, p.119-141.
- Zulkifli Mohammad al-Bakri (2012). *Tarekat mengikut Sunnah Rasulullah S.A.W: Sejarah, pandangan ulama dan menjawab sebarang tohmahan*. Himpunan Kertas Kerja Siri 1 Simposium Tarekat Tasawuf, Madrasah Saidiyah, Seremban: Madrasah Saidiyah, p. 3.